PROJEK

# MyMR

PEMUDAHCARA PERMIT PENGUBAHSUAIAN KEPADA KOMUNITI

# MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR TAHUN 2025




**MAJLIS PERBANDARAN SEPANG**

THING . SOLVE . IMPLEMENT

PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN • PENCIPTAAN

# RINGKASAN EKSEKUTIF

Daerah Sepang merupakan sebuah daerah yang pesat membangun dengan pembangunan komersil, perindustrian dan perumahan seperti “cendawan yang tumbuh selepas hujan”. Ini dapat dilihat daripada perubahan kepadatan populasi penduduk yang semakin meningkat dari masa ke semasa. Daerah Sepang menjadi tumpuan utama komuniti sekeliling memandangkan kedudukan yang strategik dan berdekatan dengan bandar-bandar utama seperti Putrajaya, Nilai, Subang Jaya dan Kuala Lumpur. Berikutan kepesatan pembangunan yang berlaku, jumlah permohonan permit kerja kecil (*minor repair - MR*) meningkat dengan begitu pantas sejajar dengan kepesatan pembangunan dan penambahan jumlah penduduk dan  di daerah Sepang. Sejajar dengan Fokus Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) : Perkara 11 – Melonjakkan Pendigitalan Dan Teknologi Termaju dan Perkara 13 – Memperkukuh Penyampaian Perkhidmatan Awam, produk kumpulan inovatif kreatif ini telah menghasilkan produk yang memenuhi keperluan bukan sahaja diperingkat organisasi tetapi juga menepati agenda dan matlamat nasional.

Kesukaran penduduk yang jauh dari Kompleks Majlis Perbandaran Sepang untuk mengemukakan permohonan *MR* secara fizikal mencetuskan idea untuk membangunkan aplikasi ini bagi memudahkan penduduk setempat. Permohonan ini memerlukan pelanggan untuk hadir ke Majlis Perbandaran Sepang bagi mengemukakan borang dan beberapa dokumen yang memerlukan penggunaan kertas yang banyak selain perlu mengambil masa yang lama dalam membuat urusan permohonan. Ini menyebabkan pemilik rumah memberikan banyak alasan untuk tidak mengemukakan permohonan.

Permohonan *MR* yang mencecah hampir tiga ribu permohonan dalam tempoh dua tahun ini, menyebabkan ruang penyimpanan fail tidak dapat menampung permohonan tersebut dan menyukarkan pencarian dan semakan semula amat menyukarkan disebabkan oleh lambakan dokumen.

Oleh itu, Jabatan Kawalan Bangunan berinovasi untuk mewujudkan sistem MyMR bagi menyelesaikan isu-isu yang berlaku dalam proses pengemukaan permohonan Permit Kerja Kecil *(Minor Repair)*. MyMR ialah sebuah aplikasi yang membolehkan permohonan Minor Repair dikemukakan secara *online* (atas talian) di mana sahaja oleh penduduk Sepang atau pemilik premis menggunakan telefon pintar, komputer riba dan komputer pada bila-bila masa.

Dengan adanya MyMR, tiada lagi alasan bagi pelanggan Majlis Perbandaran Sepang untuk tidak menghantar permohonan dengan jarak yang jauh dari Kompleks Majlis Perbandaran Sepang. Justeru, sebarang semakan dan penyimpanan rekod akan lebih mudah dan menjimatkan ruang pejabat untuk menyimpan dokumen secara *hardcopy.* Selain daripada itu, penggunaan aplikasi MyMR ini mendokong usaha pihak majlis ke arah Bandar hijau sejajar dengan slogan Bersih Hijau Sejahtera. Ia juga menjimatkan kos bahan api dan juga penjimatan masa pada pemohon memandangkan pemohon tidak perlu hadir ke pejabat Majlis Perbandaran Sepang untuk membuat permohonan.

Dengan terhasilnya produk ini, pihak Majlis Perbandran Sepang dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan supaya memandangkan salah satu ‘core business’ Jabatan Kawalan Bangunan, Majlis Perbandaran Sepang adalah menerima dan memproses permohonan pembangunan. Oleh yang demikian, kumpulan inovatif kreatif ini berusaha untuk mencipta produk yang mempermudahkan dan mempercepatkan proses pengemukaan permohonan kepada jabatan.

Sehubungan dengan itu, kumpulan inovatif kreatif Faster ini telah berinovasi untuk menghasilkan satu sistem iaitu Sistem MyMR yang dapat mempermudahkan pihak pemohon, di mana pemohon dapat mengakses di mana sahaja tanpa perlu hadir bersemuka di ibu pejabat Majlis Perbandaran Sepang.

# 1(a) PENGENALAN KUMPULAN

KUMPULAN
**FASTER**



**FASILITATOR**
SULAIMAN BIN ABI HASHIM



**KETUA PEMBANGUNAN INOVASI**
NABILA SYAZWANI BINTI SYAABAN



**PEMBENTANG**
RAJA KHAIRUL



**FASILITATOR**
MAZLIN BINTI ABDUL SAMAT



**KETUA PROJEK**
MUHAMMAD KHAIRUL HANAFI BIN UZAAR



**PEMBENTANG**
FAHMI NOH



**KETUA KUMPULAN**
AIDA NOREN BINTI IBRAHIM



**KETUA MULTIMEDIA**
ZULAIKHA BINTI DAMARULAN



**SETIAUSAHA**
NOOR LIAH BINTI JAZULI



# 1(b) NAMA PROJEK / INOVASI




#KitaSelangor MALAYSIA MADANI

PROJEK
**MyMR** PEMUDAHCARA PERMIT PENGUBAHSUAIAN KEPADA KOMUNITI

**MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR TAHUN 2025**



*SIGNIFIKASI PROJEK DAN PEMBUKTIAN*

# 2(a) KAITAN DENGAN FUNGSI UTAMA JABATAN/ORGANISASI

## MISI

MELAKSANAKAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN SECARA KREATIF DAN INOVATIF DENGAN MENERAPKAN TEKNOLOGI HIJAU DALAM PEMBANGUNAN KEARAH MERANCAKKAN PERTUMBUHAN EKONOMI

## VISI

MENJADI PERBANDARAN BERSIH, HIJAU DAN MAMPAN MENJELANG 2030.

## MOTO

"SEPANG, BERSIH, HIJAU DAN SEJAHTERA

## FUNGSI

ANTARA 4 DARIPADA 10 FUNGSI JABATAN YANG BERKAITAN DENGAN PENGHASILAN PRODUK:

- MERANCANG PEMBANGUNAN SECARA TERSUSUN, SEJAHTERA DAN SEIMBANG
- MENYEDIAKAN KEMUDAHAN PRASARANA YANG LENGKAP DAN TERKINI BAGI MENGGALAKKAN PERTUMBUHAN SOSIO-EOKONOMI
- MEWUJUDKAN SUASANA PERSEKITARAN KERJA YANG BERTERASKAN KEPADA TEKNOLOGI MAKLUMAT YANG TERKINI.
- MENINGKATKAN DAN MELICINKAN PENTADBIRAN MELALUI PERKHIDMATAN KAKITANGAN YANG BERKUALITI DAN SENTIASA MENGAMALKAN NILAI-NILAI MURNI DAN POSITIF

*SIGNIFIKASI PROJEK DAN PEMBUKTIAN*

# 2(b) MEMENUHI KEHENDAK PELANGGAN DAN PEMEGANG TARUH (STAKEHOLDER)

- PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR (SUK)
- KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT)
- MAJLIS PERBANDARAN SEPANG
- PELANGGAN DALAM DAERAH SEPANG

1. MENGURANGKAN PENGGUNAAN KERTAS DIMANA SEJAJAR DENGAN IMPAN MAJLIS KEARAH BANDAR PINTAR
2. MEMPERCEPATKAN PROSES PERMOHONAN
3. MENINGKATKAN KUALITI PERKHIDMATAN DI MAJLIS PERBANDARAN SEPANG
4. PENINGKATAN PRIVASI PENDUDUK DAN MENGURANGKAN KOS, PENCEMARAN, PENGGUNAAN TENAGA DAN KESESAKAN
5. SEJAJAR DENGAN KEPERLUAN KEPUASAN PELANGGAN

# 2(c) SEJAJAR DENGAN AGENDA DAN MATLAMAT NASIONAL

## MENYOKONG USAHA KERAJAAN DALAM

### PELAN STRATEGIK MPSEPANG 2021-2030

- **TERAS STRATEGIK 3** MENINGKATKAN AKSES CAPAIAN PINTAR
- **TERAS STRATEGIK 4** MEMPERKASAKAN KECEKAPAN RESPONSIF PERKHIDMATAN
- **TERAS STRATEGIK 5** MEMPERKASA TADBIR URUS TERBAIK, CEKAP DAN BERDAYA SAING

### SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOAL (SDG)

- **SDG 8** – MENGGUNAKAN APLIKASI ATAS TALIAN
- **SDG 11** – BERURUSAN SECARA ATAS TALIAN DAN TIDAK PERLU KELUAR DARI RUMAH
- **SDG 15** – 100% PAPERLESS DAN MESRA ALAM

### RANCANGAN MALAYSIA KE-12 (RMK12)

- **PERKARA 11** : MELONJAKKAN PENDIGITALAN DAN TEKNOLOGI TERMAJU
- **PERKARA 13** : MEMPERKUKUH PENYAMPAIAN PERKHIDMATA SEKTOR AWAM

### MALAYSIA MADANI

**KEMAMPANAN**
MUTU HIDUP SEIMBANG BERDASAKAN CITRA MALAYSIA YANG UNIK BERASASKAN ILMU KEMAHIRAN DAN KEARIFAN TEMPATAN

**DAYA INOVASI**
PEMBAHARUAN DAN PENGUPAYAAN MODAL INSAN BAGI MENJELMAKAN DAYA CIPTA MANUSIA

SIGNIFIKASI PROJEK DAN PEMBUKTIAN

# 2(d) KAITAN DENGAN KEADAAN DAN EKOSISTEM SEMASA

BILANGAN PERMOHONAN PERMIT BERGANTUNG KEPADA PERTUMBUHAN DAN PERKEMBANGAN PENDUDUK DI DALAM DAERAH SEPANG.




Guna Tanah Tepu Bina 45.67% (28,262.88 hektar)

Guna Tanah Bukan Tepu Bina 54.33% (33,637.12 hektar)

| KOD | KATEGORI GUNA TANAH | GUNA TANAH SEMASA 2024 | |
|---|---|---|---|
| | | KELUASAN (HEKTAR) | PERATUS (%) |
| GUNA TANAH TEPU BINA | | 28,262.88 | 45.67% |
| | Perumahan | 3,810.40 | 6.16 |
| | Komersial | 1,661.79 | 2.68 |
| | Industri | 650.56 | 1.05 |
| | Institusi & Kemudahan Masyarakat | 1,947.01 | 3.15 |
| | Infrastruktur & Utiliti | 2,046.90 | 3.31 |
| | Pembangunan Bercampur | - | - |
| | Tanah Kosong | 9,783.88 | 15.81 |
| | Pengangkutan | 8,362.34 | 13.51 |
| GUNA TANAH BUKAN TEPU BINA | | 33,637.12 | 54.33 |
| | Hutan | 2,420.36 | 3.91 |
| | Badan Air | 1,904.22 | 3.08 |
| | Pantai | 993.97 | 1.61 |
| | Pertanian | 21,714.88 | 35.08 |
| | Tanah Lapang & Rekreasi | 899.55 | 1.45 |
| | 3 Batu Nautika | 5,704.14 | 9.22 |
| | JUMLAH | 61,900.00 | 100.00 |






*Sumber daripada Jabatan Perangkaan Malaysia

*SIGNIFIKASI PROJEK DAN PEMBUKTIAN*

## 2(e) KAEDAH PEMILIHAN PROJEK & ANALISIS

***"BRAINSTORMING"***

| BIL | MASALAH / ISU | PENCADANG |
|---|---|---|
| 1. | Kesukaran pemohon mengemukakan permohonan secara bersemuka | Mazlin |
| 2. | Isu pembinaan pengubahsuaian yang tidak terkawal | Hanafi |
| 3. | Penggunaan kertas yang banyak | Norlia |
| 4. | Isu ruang menunggu yang terhad | Nabila |
| 5. | Isu ruang penyimpanan fail yang terhad | Zulaikha |
| 6. | Isu vandalisme yang tidak terkawal | Aida |
| 7. | Isu pembinaan haram yang tidak terkawal | Mazlin |
| 8. | Kesukaran mengenalpasti pengubahsuaian yang telah diberi kelulusan | Hanafi |
| 9. | Pemilik premis keliru dengan undang-undang pengubahsuaian | Nabila |
| 10. | Kecuaian pemilik dalam mempamerkan pelekat permit | Zulaikha |

**HASIL PERBINCANGAN, KUMPULAN FASTER TELAH MEMILIH MASALAH / ISU NO.1 DI DALAM JADUAL DI ATAS SEJAJAR DENGAN OBJEKTIF KUMPULAN SEBAGAI PEMUDAHCARA PERMIT PENGUBAHSUAIAN KEPADA KOMUNITI**

*SIGNIFIKASI PROJEK DAN PEMBUKTIAN*

## 2(f) PENYATAAN SASARAN OUTCOME DAN IMPAK



# 3(a) STRATEGI PENYELESAIAN KREATIFTERMASUK APLIKASI PENGGUNAAN TOOLS

**KAEDAH *DESIGN THINKING***




**KAEDAH 5 W1H**

***(WHAT ?, WHEN ? WHY ? WHO ?, WHERE ?, HOW ?)***



# 3(a) STRATEGI PENYELESAIAN KREATIFTERMASUK APLIKASI PENGGUNAAN TOOLS

## RAJAH TULANG IKAN (ISHIKAWA)




## CARTA PERBATUAN



# 3(b) PENGHASILAN DAN PENGUJIAN PROTOTAIP

***"PROTOTAIP"***

## BAHASA PENGATURAN IT (*CODING*)




## MyMR

**LAMAN WEB RASMI BAGI PERMOHONAN PERMIT KERJA KECIL (*MINOR RENOVATION/REPAIR*)**




## PEGAWAI YANG MEMBANGUNKAN SISTEM



| | | |
|---|---|---|
| NAMA | : | AHMAD FIRDAUS BIN ROSSLAN |
| JAWATAN | : | PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT |
| KELAYAKAN | : | IJAZAH / IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI MAKLUMAT |
| PENGALAMAN | : | 8 TAHUN |
| CODING | : | CODEIGNITER 3, PHP LANGUAGE DAN MYSQL |
| PENCAPAIAN | : | SISTEM E-LATIHAN, SISTEM TEMPAHAN KENDERAAN , SISTEM AIMS, SISTEM PCOM |

## MEMO JEMPUTAN PENGUJIAN SISTEM MyMR



SEPANG

TERIMA
21 NOV 2023
JABATAN KAWALAN BANGUNAN

**MEMO**

| | | | |
|---|---|---|---|
| Daripada | : Kumpulan Inovatif Kreatif Faster | | |
| Kepada | : P(BGN) | | |
| Rujukan Kami | Tarikh | Rujukan Tuan | Tarikh |
| MPSepang (BGN) 100-12/4/4 (24) ) | 20 November 2023 | - | - |

Tuan,

**PENYERAHAN SISTEM MyMR KEPADA UNIT PROSES PELAN, JABATAN KAWALAN BANGUNAN**

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas adalah berkaitan.

2. Untuk makluman pihak tuan, kumpulan inovasi *Faster* telah membuat inovasi pemudah cara permit pengubahsuaian bagi permohonan Minor Repair dengan membangunkan sistem MyMR untuk kegunaan Unit Proses Pelan, Jabatan Kawalan Bangunan. Sistem MyMR ini telah siap sepenuhnya dan telah sedia untuk digunakan serta merta.

3. Bersama-sama ini dilampirkan manual tatacara penggunaan sistem MyMR untuk rujukan pihak tuan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**"#KITASELANGOR MAJU BERSAMA"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MAZLIN BINTI ABDUL SAMAT)**
Ketua Kumpulan,
Kumpulan Inovatif Kreatif Faster,

NLJ/memo/mymr

*TINDAKAN PENYELESAIAN*

# 3(c) PERAKUAN DARIPADA PIHAK BERTAULIAH / PIHAK BERKUASA




## MAKLUMBALAS PELANGGAN MELALUI EMEL







*TINDAKAN PENYELESAIAN*

# 3(d) PELAKSANAAN INOVASI

## RISALAH PENGGUNAAN SISTEM PERMIT KERJA KECIL (MyMR)






# 4.1(a) OUTCOME PROJEK DAN PEMBUKTIAN

## PENCAPAIAN OUTCOME DAN PEMBUKTIAN

**PENJIMATAN MASA**




**PENJIMATAN MASA**
**26 MINIT**

### ANGGARAN PURATA PENJIMATAN KOS BAHAN API

JUMLAH PERMOHONAN X JARAK (KM) X 2 KALI (PERGI & BALIK) X HARGA MINYAK PER KM

**JARAK 30 KM**
70 PERMOHONAN X 30 KM X 2 X RM 0.30 = RM 1,260.00

**JARAK 60 KM**
67 PERMOHONAN X 60 KM X 2 X RM 0.30 = RM 2,412.00

**JARAK 150 KM**
30 PERMOHONAN X 150 KM X 2 X RM 0.30 = RM 2,700.00

JUMLAH PENJIMATAN = **RM 6,372.00/BULAN**

ANGGARAN PENJIMATAN SETAHUN = **RM 76,464.00**

### ANGGARAN PURATA PENJIMATAN PELEKAT PERMIT

HARGA SEUNIT PELEKAT X ANGGARAN PERMOHONAN SETAHUN

RM 10 X 2,000 UNIT = **RM 20,000.00**

ANGGARAN PENJIMATAN SETAHUN = **RM 20,000.00**

### JUMLAH PURATA PENJIMATAN MASA (DI ATAS JALANRAYA)

JUMLAH PERMOHONAN X JARAK (KM/MINIT) X 2 KALI (PERGI & BALIK)

**JARAK 30 KM**
70 PERMOHONAN X 30 KM/MINIT X 2 = 70 JAM

**JARAK 60 KM**
67 PERMOHONAN X 60 KM/MINIT X 2 = 134 JAM

**JARAK 150 KM**
30 PERMOHONAN X 150 KM/MINIT X 2 = 150 JAM

JUMLAH PENJIMATAN = **354 JAM/BULAN**

**ANGGARAN PENJIMATAN SETAHUN = 4,248 JAM**

## ANGGARAN PENJIMATAN BAGI SETIAP PEMOHON

| RM 38.15 | + | RM 10 | + | RM 7 | = | RM 55.15 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| ( BAHAN API ) | | ( PELEKAT PERMIT ) | | ( PENGGUNAAN KERTAS ) | | PENJIMATAN BAGI 1 PERMOHONAN |

*ANGGARAN JUMLAH PERMOHONAN SETAHUN BAGI 2,000 PERMOHONAN
ANGGARAN PERMOHONAN UNTUK 1 BULAN = 167 UNIT

## 4.1(b) OUTCOME PROJEK DAN PEMBUKTIAN

### FAEDAH SAMPINGAN (LUAR JANGKA)

**PURATA PERMOHONAN BULANAN BAGI TAHUN 2023 - 2025**

| BIL | BULAN | 2023 | 2024 | 2025 |
|---|---|---|---|---|
| 1 | JANUARI | 174 | 262 | 215 |
| 2 | FEBRUARI | 207 | 135 | 246 |
| 3 | MAC | 212 | 126 | 168 |
| 4 | APRIL | 101 | 127 | |
| 5 | MEI | 145 | 191 | |
| 6 | JUN | 143 | 220 | |
| 7 | JULAI | 138 | 228 | |
| 8 | OGOS | 96 | 214 | |
| 9 | SEPTEMBER | 138 | 140 | |
| 10 | OKTOBER | 123 | 134 | |
| 11 | NOVEMBER | 225 | 157 | |
| 12 | DISEMBER | 205 | 120 | |
| | JUMLAH | 1907 | 2054 | 629 |

PURATA PERMOHONAN BULANAN BAGI TAHUN 2023 :
**158 PERMOHONAN**

PURATA PERMOHONAN BULANAN BAGI TAHUN 2024 :
**171 PERMOHONAN**

PURATA PERMOHONAN BULANAN BAGI TAHUN 2025 :
**209 PERMOHONAN**

PERMOHONAN FIZIKAL

PERMOHONAN MyMR

MyMR MINOR REPAIR

**BILANGAN PERMOHONAN BAGI NOVEMBER 2023 – MAC 2025**

**4389** → PERMOHONAN MASUK

**3113** → PERMOHONAN DILULUSKAN



## 4.2(a) IMPAK PROJEK DAN PEMBUKTIAN

### PENILAIAN IMPAK & PEMBUKTIAN

**MENJIMATKAN MASA**

- Dapat memproses permohonan dalam masa 5 minit berbanding permohonan secara manual selama 15-20 minit bagi permohonan lengkap.
- Pemohon boleh memohon dari rumah atau di mana-mana lokasi tanpa perlu ke pejabat Majlis Perbandaran Sepang.

**MENINGKATKAN HASIL MAJLIS**

Peningkatan bilangan permohonan ubahsuai kerja-kerja kecil.

**PENJIMATAN KOS MAJLIS**

Setiap tahun pihak Jabatan Kawalan Bangunan menyediakan bajet sebanyak RM 50,000.00 bagi pembelian pelekat kelulusan '*Minor Repair*' (MR)// bilangan permohonan yang tinggi menyebabkan perlu penambahan bajet sebanyak RM10,000.00 sehingga RM15,000.00 . Dengan inovasi MYMR Majlis dapat menjimatkan kos pengeluaran pelekat kelulusan kira-kira RM 60,000.00 sehingga RM 65,000.00 setahun.

**PENINGKATAN KEPUASAN HATI PELANGGAN**

Mesra pengguna ia pemohon boleh menggunakan pelbagai peranti seperti komputer, *laptop* atau telefon bimbit untuk mengemukakan permohona selain laman sesawang yang mudah dilayari, dicari, dan difahami oleh segenap lapisan umur.

**MENINGKATKAN KUALITI PERKHIDMATAN**

- Memudahkan pihak penguatkuasaan untuk memantau dan membuat semakan ditapak dengan mengimbas Kod QR.
- Menjimatkan ruang penyimpanan di pejabat
- Tiada lagi proses pelupusan dokumen

# 4.2(b) IMPAK PROJEK DAN PEMBUKTIAN

## FAEDAH SAMPINGAN (LUAR JANGKA)




**TAHUN 2023**
**1097 PERMOHONAN**
**RM 109,700.00**

**TAHUN 2024**
**2045 PERMOHONAN**
**RM 204,500.00**






# 5(a) TAHAP KETERSEDIAAN TEKNOLOGI/SISTEM/PROSES



SEPANG

MEMO

TERIMA
21 NOV 2023
JABATAN KAWALAN BANGUNAN

| | | | |
|---|---|---|---|
| Daripada | : Kumpulan Inovatif Kreatif Faster | | |
| Kepada | : P(BGN) | | |
| Rujukan Kami | Tarikh | Rujukan Tuan | Tarikh |
| MPSepang (BGN) 100-12/4/4 (24) ) | 20 November 2023 | - | - |

Tuan,

**PENYERAHAN SISTEM MyMR KEPADA UNIT PROSES PELAN, JABATAN KAWALAN BANGUNAN**

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas adalah berkaitan.

2. Untuk makluman pihak tuan, kumpulan inovasi *Faster* telah membuat inovasi pemudah cara permit pengubahsuaian bagi permohonan Minor Repair dengan membangunkan sistem MyMR untuk kegunaan Unit Proses Pelan, Jabatan Kawalan Bangunan. Sistem MyMR ini telah siap sepenuhnya dan telah sedia untuk digunakan serta merta.

3. Bersama-sama ini dilampirkan manual tatacara penggunaan sistem MyMR untuk rujukan pihak tuan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**"#KITASELANGOR MAJU BERSAMA"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MAZLIN BINTI ABDUL SAMAT)**
Ketua Kumpulan,
Kumpulan Inovatif Kreatif Faster,


PENERANGAN OLEH UNIT ICT

SESI TAKLIMAT



PENERANGAN TERPERINCI

SESI UJICUBA SISTEM MyMR


# LAMPIRAN

LAMPIRAN

# TATACARA PENGGUNAAN SISTEM MyMR

## MyMR

## 1

**LAMAN WEB RASMI BAGI PERMOHONAN PERMIT KERJA KECIL**
**(*MINOR RENOVATION/REPAIR*)**




**SILA LAYARI LAMAN WEB RASMI MyMR myminor.mpsepang.gov.my UNTUK PERMOHONAN PERMIT KERJA KECIL DI BAWAH MAJLIS PERBANDARAN SEPANG**

## 2

**LAMAN UTAMA SISTEM PERMIT KERJA KECIL MAJLIS PERBANDARAN SEPANG**




## 3




### Permohonan Permit Sementara

Senarai Dokumen Yang Diperlukan

| # | Keterangan |
|---|---|
| 1 | Salinan Cukai Pintu / CCC / Borang F |
| 2 | Salinan K/P |
| 3 | Pelan Lakaran yang telah disahkan |
| 4 | Salinan Hak Milik/ Perjanjian Jual Beli |
| 5 | Borang Pengesahan Dari Pihak Pengurusan Bangunan (MC / JMB) |

3

LAMAN UTAMA | DOKUMEN PERMOHONAN | KATEGORI KERJA-KERJA KECIL | PEMOHON MINOR REPAIR | KAKITANGAN MPSEPANG

Kategori Kerja-Kerja Kecil

| # | Ketegori | Gambar |
|---|---|---|
| 1 | Pemasangan Kabinet Dapur |  |
| 2 | Pagar Batu 5 Kaki Tinggi |  |
| 3 | Pemasangan Jubin (Tiles) |  |
| 4 | Pemasangan Kemasan Siling |  |
| 5 | Pemasangan Grill (Pintu / Tingkap) |  |
| 6 | Pemasangan Awing |  |

4

LAMAN UTAMA | DOKUMEN PERMOHONAN | KATEGORI KERJA-KERJA KECIL | PEMOHON MINOR REPAIR | KAKITANGAN MPSEPANG

Log Masuk Ke
Sistem Kerja-Kerja Kecil MPSepang

Sebagai Pemohon

Sila Masukkan No. Kad Pengenalan

Sila Masukkan Kata Laluan

LOG MASUK

Lupa Kata Laluan?

Daftar

**SILA KLIK "daftar" BAGI PERMOHONAN BARU**

5

SEPANG
MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

Sila masukkan maklumat anda.

Sila Masukkan Nama Penuh Seperti Di Dalam Kad Pengenalan

Sila Masukkan No. Kad Pengenalan Baru tanpa '-'

Sila Masukkan Alamat Emel

Sila Masukkan Nombor Telefon

Sila Masukkan Kata Laluan Anda

DAFTAR

**ISIKAN MAKLUMAT PENUH ANDA SEPERTI NAMA PENUH, NOMBOR KAD PENGENALAN, ALAMAT EMEL, NOMBOR TELEFON DAN CIPTA KATA LALUAN BAGI AKAUN MYMR ANDA.**

**SETERUSNYA, TEKAN DAFTAR**